

26 AUG 2002

Mahathir-Puteri (Bergambar)

PUTERI UMNO DIINGATKAN JANGAN PRAKTIK BUDAYA BURUK

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan para anggota Puteri Umno supaya tidak mempraktikkan budaya memburuk-burukkan satu sama lain pada pemilihan peringkat bahagian dan pusat yang akan diadakan tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata tindak-tanduk itu bukan sahaja melemahkan pergerakan itu tetapi boleh membinasakan Umno.

Beliau juga mengingatkan anggota Puteri supaya mengelak daripada terlibat dengan gejala politik wang kerana keuntungan yang diterima pada masa ini akan membawa keburukan pada masa akan datang.

"Sebagai generasi baru yang merupakan barisan pelapis Umno, Puteri Umno perlu terus dipupuk dengan nilai murni dan mulia bagi memastikan Umno akan terus kekal dan berjaya pada masa akan datang," katanya pada taklimat khas majlis penerangan tentang tatacara mesyuarat dan pemilihan Puteri Umno di sini hari ini.

Turut hadir ialah naib presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaacob dan Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Dr Mahathir turut melancarkan kempen anti-politik wang pergerakan itu sempena pemilihan Puteri Umno peringkat bahagian pada 16 Sept hingga 15 Okt dan peringkat pusat pada 2 Nov.

Dr Mahathir berkata: "Yang penting (anggota Puteri Umno) perlu memilih pemimpin yang mampu membawa kejayaan pada Umno" dan bukan mempersoalkan kecacatannya serta isu yang titik bengek.

Puteri Umno tidak patut membenarkan diri mereka dihasut dan dipengaruhi oleh fikiran yang boleh membawa keburukan pada parti semasa membuat pemilihan, katanya.

Beliau berkata mereka perlu memastikan perpaduan dalam parti sentiasa terpelihara dan mementingkan perjuangan parti daripada perjuangan untuk diri sendiri.

"Dalam persaingan ini, calon-calon yang bertanding akan mencari kelemahan orang lain dengan mendedahkan soal peribadi dan sebagainya. Ia bukan sahaja membunuh calon itu tetapi juga parti kerana ini bermakna parti tidak mempunyai pemimpin yang baik," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan Puteri Umno bahawa kesan daripada amalan buruk dalam pertandingan merebut jawatan parti telah mengakibatkan Umno kalah dalam pilihan raya, "bukan kerana parti lawan lebih kuat dan baik, tetapi kerana pertelagahan sesama anggota Umno."

Oleh itu beliau berharap Puteri Umno sebagai pergerakan yang bersih tidak menyerap budaya sedemikian.

Pemimpin yang hendak dipilih haruslah dinilai pada kemampuannya memimpin dengan cekap dan berwibawa serta mempunyai kebolehan untuk memajukan bangsa, katanya.

"Kita kena ingat, kita bangsa yang lemah dan tidak boleh membenarkan perasaan kita mempengaruhi kita terlalu sangat, terutamanya sikap tidak setuju dengan orang itu dan ini...perjuangan kita penting dari perasaan kerana perjuangan kita adalah untuk jayakan orang Melayu," katanya.

Beliau berkata Puteri Umno perlu kembali kepada sejarah Umno apabila perpaduan dan sokongan orang Melayu terhadap pemimpinnya berjaya memerdekakan negara serta membawa negara ke mercu kejayaan.

Pada persidangan media selepas itu, Dr Mahathir berkata pemilihan peringkat cawangan Puteri Umno yang bermula 1 Ogos lepas hingga 15 Sept,

setakat ini berjalan dengan baik tanpa sebarang aduan diterima oleh ibu pejabat Umno.

Semasa menjawab soalan pemberita sama ada betul Majlis Tertinggi Umno tidak menggalakkan pertandingan merebut jawatan tertinggi dalam Puteri Umno, Dr Mahathir berkata ianya khabar angin kerana semua jawatan dibuka untuk dipertandingkan.

Khalil yang turut hadir berkata Umno tidak mengenakan sebarang sekatan kepada mana-mana anggota Puteri Umno yang mahu bertanding bagi sebarang jawatan.

Ibu pejabat Umno hanya menasihatkan mereka yang bertanding supaya tidak berlebihan semasa berkempen, termasuk melibatkan diri dalam kegiatan politik wang, katanya.

-- BERNAMA

HK ZS RON